

# Pemuda syor sistem satu kontrak satu kontraktor

UM 13 NOV 2001

KUALA LUMPUR, 12 Nov. — Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda UMNO mencadangkan supaya sebarang pemberian kontrak mem-babitkan projek pembinaan makmal kompu-ter sekolah diberi berdasarkan kepada sis-tem satu kontrak satu kontraktor.

Pengerusinya, Said Anuar Said Ahmad berkata, langkah itu bertujuan supaya tidak berlaku perebutan kontrak yang boleh mem-bawa kepada berlakunya 'muslihat' dalam permohonan mendapatkan kontrak.

"(Sistem) ini juga untuk memastikan supaya agihan dibuat sama rata antara kon-tractor dan kerja-kerja kontrak dapat dilak-sanakan mengikut kualiti dan jadual yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau mengulas mengenai kegagalan kontraktor yang diberikan kontrak membi-na kira-kira 2,400 makmal komputer seko-lah di seluruh negara.

Said Anuar berkata, pihaknya mahu su-paya sebarang pemberian kontrak perlu mengambil kira kewibawaan kontraktor de-ngan meneliti secara terperinci latar bela-kang kontraktor terbabit.

Katanya, perkara itu amat penting bagi menentukan bahawa kontraktor terbabit mampu dan berkeupayaan melaksanakan kerja-kerja yang diberikan.

Berikutan kegagalan itu, pihaknya me-nyokong penuh keputusan kerajaan untuk tidak memberi kontrak baru kepada mana-mana kontraktor yang menjual kontrak me-reka kepada pihak lain bagi mendapat keun-tungan.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan keraja-an tidak lagi memberi sebarang kontrak ke-pada mana-mana kontraktor atau syarikat yang menjual kontrak mereka kepada orang lain.

Said Anuar berkata, pihaknya juga mahu supaya kerajaan bukan sahaja menyenarai-hitamkan syarikat terbabit tetapi juga pemi-lik syarikat.